

Mukadimah

Dalam pensejarahan Barat kemunculan aliran positivis di kalangan para sejarawan adalah berkait rapat dengan pergerakan atau revolusi sains yang menjalari Eropah di antara pertengahan kurun ke enam belas dan pertengahan kurun ke tujuh belas. Kaedah sains memperkenalkan metode empirikal dan penghujahan secara induktif. Kaedah tersebutlah yang dijadikan landasan bagi mencari dan mengesahkan ilmu pengetahuan. Sebelum revolusi sains, kaedah mencari kebenaran atau kesahihan sesuatu ilmu pengetahuan ialah menerusi kaedah logik dan deduktif. Kedua-duanya, yakni pemikiran deduktif dan logik, merupakan asas kepada ilmu falsafah dan di Barat, falsafahlah satu-satunya bidang ilmu yang dianggap paling unggul sebelum tibanya zaman sains.

Pada peringkat awal zaman sains, di antara para saintisnya termasuklah Mikolaj Kopernik (Copernicus, 1473 – 1543), Johann Kepler (1571 – 1630), Galileo Galilei (1564 – 1642), Francis Bacon (1561 – 1626), Issac Newton (1642 -1727). Hasil dari kajian pada waktu itu, telah ditemuilah laras pergerakan planet dan fenomena lain di alam semesta yang jelas berjadual dan mudah dapat diukur. Umpamanya, pergerakan bulan dan matahari telah dapat dikesan beredar menurut jangka masa dan landasan yang tertentu. Fenomena yang jelas dapat dikesan, berlaku secara berulang-ulangan dan berjadual ini diistilahkan dan diiktiraf oleh para saintis sebagai hukum. Lantas lahirlah hukum seperti Hukum Gas Boyle, Hukum Pergerakan Newton, Hukum Graviti dan sebagainya.

Sains Menggantikan Falsafah

Dengan kaedah serta penemuan barunya, ilmu sains telah menjejaskan kedudukan ilmu falsafah. Implikasinya dalam kehidupan masyarakat Barat begitu meluas sekali. Secara

ringkasnya bolehlah disebutkan di sini bahawa bertolak dari pengetahuan di bidang sainslah negara-negara Barat akhirnya berupaya megendalikan revolusi industri. Revolusi industri pula telah membawa begitu banyak perubahan kepada orang ramai. Ahli masyarakatnya telah memeperolehi faedah yang besar lagi berpanjangan. Bagi Herbert Butterfield revolusi sains ini ‘merupakan peristiwa paling penting dalam sejarah Eropah sejak kebangkitan agama Kristian.’¹

Dorongan Kepada Para Ahli Falsafah

Penemuan hukum yang menjelaskan peraturan atau perjalanan alam fizikal mengkagumkan ramai para pemikir pada masa itu. Maka tidak hairanlah sekiranya para ahli falsafah terdorong untuk turut menjejaki penerokaan ilmu para saintis ini. Kekaguman dan keinginan untuk meniru ini menjadi lebih terangsang lagi tentunya bilamana penemuan atau pengetahuan para saintis ini nyata dapat dimanfaatkan secara meluas bagi aktiviti pembangunan industri di Eropah yang bermula di England pada sekitar 1760-an.

Para ahli falsafah yang dipengaruhi oleh revolusi sains ini ialah mereka yang cenderung melihat alam sekeliling dari persepi atau dengan berlandaskan prinsip matematik. Di antara para ahli falsafah awal ini termasuklah Rene Descarte (1596 – 1650), Blaise Pascal (1623 – 62) dan Benedictus Spinoza (1623 – 77) dan Augustus Comte (1798 – 1857).

Augustus Comte, yang dianggap di Barat sebagai salah seorang pengasas disiplin sosiologi, amat menaruh minat terhadap kaedah induktif dan percaya masyarakat manusia dapat difahami dan kemajuannya akan dapat dipermudahkan melalui pengetahuan yang terhasil dari kaedah tersebut. Secara ringkasnya, Comte percaya terdapat hukum yang mendasari atau mempengaruhi tingkah laku manusia. Seterusnya beliau menganggap terdapatnya hukum yang menguasai peraturan dan fungsi kumpulan dalam masyarakat serta perkembangan kumpulan

¹ Herbert Butterfield, 1947, *The Origins of Modern Science*, London, seperti yang dipetik dalam Norman Davies, 1997, *Europe: A History*, London: Pimlica, hlm.507.

tersebut dalam sejarah. Tanggapan ini jelas dipengaruhi oleh penemuan sains tabii pada masa itu. Pendekatan Comte dikenali sebagai 'fizik sosial' dan dari sinilah lahirnya aliran positivisme. Jadi seandainya sains tabii dapat memajukan kegiatan perindustrian untuk kebaikan manusia, maka 'fizik sosial' tentulah berupaya pula untuk memperbaiki interaksi di kalangan ahli masyarakat itu sendiri. Bagi Comte 'fenomena sosial adalah tertakluk kepada hukum alam semula jadi, menepati telahan rasional' lantas membolehkan manusia menjangka apa yang bakal berlaku.² Inilah bentuk optimisme yang berlegar dalam pemikiran Comte dan ramai ahli falsafah lain yang sezaman dengannya.

Para ahli sejarawan juga turut terpengaruh dengan aliran positivisme ini. Di antara para sejarawan positivis ini termasuklah Leopold Von Ranke (1795 -1886), Henry Thomas Buckle (1821-62), Hippolyte Taine (1828-93), Leslie Stephen (1832-1904), W.E.H. Lecky (1833-1930). Leopold Von Ranke telah menegaskan bahawa sejarah mesti difahami dan ditulis 'seperti sebenarnya berlaku.'³ Menurut Ranke, semua ini akan tercapai seandainya para sejarawan merujuk dan menggunakan sumber primer. Beliau juga menekankan bahawa para sejarawan tidak seharusnya dipengaruhi oleh persepsi masa kini.

Buckle pula menegaskan kepercayaannya terhadap kewujudan hukum yang mendasari tingkah laku manusia. Antara lain, Buckle menjelaskan:

Merujuk alam semula jadi, peristiwa yang nampaknya begitu tidak menentu dan tanpa haluan telah... ditonjolkan sebagai bergerak mengikut hukum universal yang tetap... memacu tamaddun...[dan ini]memperteguhkan lagi kepercayaan kita terhadap kesejagatan, peraturan, kaedah dan hukum.

Beliau menyambung lagi

² Michael Stanford, 1994, *A Companion to the Study of History*, Oxford: Blackwell, hlm.259.

³ Muhd. Yusuf Ibrahim, 1997, *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian, dan Kaedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.22.

Apakah tingkah laku manusia, selaras itu [perangai] masyarakat juga, ditadbir oleh hukum-hukum yang tetap...? Saya tidak sedikit pun sangsi bahawa sebelum berakhirnya kurun ini [Buckle menulis pada tahun 1856], rangkaian bukti akan dapat disempurnakan dan dengan itu nanti amatlah sukar kita menemui si sejarawan yang menafikan kewujudan unsur-unsur tetap yang tidak berganjak-ganjak di dalam alam moral, sepertimana [sukarnya kini] kita menemui ahli falsafah yang menafikan unsur-unsur tetap yang terdapat dalam alam fizikal...Ia nanti mungkin akan kelihatan mudah untuk ... mengenalpasti keseluruhan hukum yang menentukan kemajuan tamaddun.⁴

Aliran positivis ini terus mendapat ikutan atau sanjungan dari sejarawan lain di abad yang berikutnya. Ini, misalnya, dapat dikesan dalam penulisan pendokong positivis seperti Lord Acton (1834-1902). Beliau pernah, misalnya, meluahkan harapan, atau kepercayaannya, bahawa beliau dan rakan-rakannya akan menghasilkan suatu karya tentang sejarah Eropah yang muktamad, definitif dan tidak beprasangka.⁵ Lord Acton kemudian dituruti pula oleh J.B.Bury (1861 -1927). Bury dalam satu syarahan umum pada tahun 1902 telah mengungkapkan pernyataan berikut yang kemudian amat kerap sekali dipetik oleh penulis lain: 'sejarah ialah suatu sains, tidak lebih dan tidak kurang.'⁶ Namun bagi Bury sains yang dimaksudkannya ialah usaha yang membabitkan 'penganalisaan terperinci terhadap...sumber'. Yang diutamakan atau yang patut menjadi pegangan ialah 'kepatuhan yang amat tepat dan berhati-hati terhadap fakta.' Matlamatnya ialah untuk mempamerkan kepada para pembaca 'kebenaran yang tidak diwarnai dan dicemari.'⁷

Kekangan Awal: Ketiadaan Kesamaan

⁴ Stanford, *op.cit.* hlm.260.

⁵ *Ibid.* hlm.128.

⁶ Anna Green and Kathleen Troup (intro.), 1999, *The Houses of History: A Critical Reader in Twentieth Century History and Theory*, Manchester: Manchester University Press, hlm.3.

⁷ *Ibid.*

Sebenarnya, bilamana para ahli falsafah Barat mengambil tindakan untuk menjejak langkah ahli sains, mereka tidak dapat menuruti sepenuhnya ciri-ciri atau asas ilmu sains. Bagi membolehkannya menjejaki sains tabii secara mutlak, ilmu sains masyarakat, atau 'fizik sosial' haruslah berpijak di atas sesuatu landasan yang serupa atau sama dengan landasan sains tabii. Namun ini merupakan sesuatu yang amat sukar atau sulit sekali untuk dihasilkan.

Pada tahap yang paling minima, misalnya, sains masyarakat sekurang-kurangnya perlu ada pengetahuan am terhadap ahli masyarakat, insan. Dengan kata lain, tidak dapat tidak sifat ahli masyarakat harus diketahui terlebih dahulu sebelum kajian atau telahan lanjut terhadap kelompok ini dilakukan. Seterusnya ia (sifat tersebut) haruslah dikaji dan disahkan sama ada ia wujud atau tidak wujud dalam keadaan yang serupa di kalangan semua manusia. Hanya bilamana terdapatnya kesamaanlah baru boleh sesuatu itu dijadikan landasan bagi mengungkapkan sesuatu generalisasi. Tanpa terdapatnya generalisasi maka akan terencatlah usaha untuk memperkenalkan teori dan hukum bagi menggambarkan tingkah laku manusia keseluruhannya. Malangnya, keseragaman sifat manusia tidak dapat dibuktikan sama ada melalui cara pemerhatian, eksperimen atau dengan apa cara sekalipun.

Lantas kekallah tanggapan konvensional bahawa setiap seorang manusia sememangnya didorong oleh hasrat hati masing-masing dan dari situlah lahirnya tindakan individualistik setiap insan. Pendeknya, manusia tidak semestinya, pada mana-mana satu masa, apatah lagi pada setiap masa, memperlihatkan respons yang standard terhadap mana-mana satu jenis stimuli luaran, biarpun mereka berada dalam keadaan sekeliling yang sama. Ini amat berbeda dari kedudukan sains tabii. Dalam sains tabii, sesuatu kelompok atau jenis bahan yang dikaji itu, tetap akan memperlihatkan perilaku yang sama bilamana ia ditempatkan dalam sesuatu

keadaan sekeliling yang sama atau menerima sentuhan stimuli dari luar yang serupa. Oleh kerana itulah dalam sains tabii teori dan hukum adalah mudah untuk dibina.

Permasalahan Lain: Fakta

Di satu tempat dalam karya *Apakah Sejarah?* pengarangnya, E.H. Carr, telah memetik kata-kata seorang wartawan, C.P. Snow, yang berbunyi 'Fakta adalah suci, pandangan itu bebas.'⁸ Sekali pandang, pernyataan ini memberikan suatu pengasingan atau dikotomi yang jelas tentang dua unsur: fakta dan pentafsiran. Yang terdahulu itu, yakni fakta, ialah sesuatu yang tegal, jelas, objektif dan tidak harus dipertikaikan. Sebaliknya yang terkemudian itu, yakni pentafsiran, ialah sesuatu yang boleh jadi berbeza-beza, subjektif dan mungkin sahaja mengundang kontroversi. Namun begitu pada hakikatnya pemisahan di antara fakta dan pentafsiran, apabila diperhalusi lagi, tidaklah mutlak. Yang jelasnya Carr sendiri mengakui hakikat ini. Unsur subjektif fakta sejarah itu nyata dapat dilihat dari beberapa segi dan ini diperkatakan oleh Carr sendiri dalam bukunya. Malah kata-kata C.P.Snow yang beliau petik itu turut menjadi sasaran kritiknya. Carr mengulas:

Walau terdapat cogan C.P. Scott sekalipun, setiap wartawan tahu pada hari ini bahawa cara yang paling berkesan untuk mempengaruhi sebarang pendapat ialah melalui pemilihan dan penyusunan fakta-fakta [yang] menyatakan pengertiannya sendiri. Hal ini sebenarnya tidak benar. Fakta-fakta tersebut menyatakan pengertiannya sendiri hanyalah apabila ahli sejarah mengambil dan menggunakannya: dialah yang menentukan fakta yang mana yang diberi tempat, dan dalam susunan atau perkaitan yang sebagaimana.⁹

⁸ E.H.Carr (terjemahan Abdul Rahman Haji Ismail),1984, *Apakah Sejarah?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.4.

⁹ *Ibid.* hlm.6.

Begitu jugalah halnya dengan para sejarawan tegas Carr. Dari beraneka kejadian masa lampau, si sejarawanlah yang memilih dan menentukan fakta atau kejadian mana yang akan dibicarakan: dijadikan fakta sejarah.¹⁰

Seterusnya setelah memilih fakta berkenaan, unsur subjektif akan terus menghantui proses penulisan sejarah yang berikutnya. Pengamatan atau pemerhatian si sejarawan terhadap fakta yang dipilih itu sendiri turut membabitkan unsur subjektif: seringkali si sejarawan melihat apa yang ia mahu lihat dan bukan apa yang sepatutnya dilihat.

Permasalahan di sini mungkin pula berganda. Pertamanya terdapat isu pemilihan fakta; keduanya, kemudian, fakta yang dipilih itu pun masih boleh diolah atau dilihat dalam persepsi yang berbeda-beda oleh si pemilih itu sendiri. Memang betul para saintis tabii juga terpaksa memilih tajuk atau bidang kajian mereka. Maksudnya, dari segi ini, para saintis tabii boleh sahaja dilihat sebagai bersikap subjektif. Namun ini adalah sesuatu yang terhad dan terasing sifatnya. Setelah fasa permulaan ini berlalu, unsur objektif jelas terserlah atau ketara dalam sains tabii berbanding sejarah.

Dalam sains tabii objek yang mahu dikaji itu lebih mudah dikenalpasti dan ditakrifkan berbanding dengan bahan kajian dalam sejarah. Dalam kajian sejarah, seandainya sekumpulan para sejarawan mahu menyelidiki dan menulis tentang keganasan, persetujuan tentang apa yang dimaksudkan dengan istilah 'keganasan' itu tidak semestinya akan dapat dicapai dengan mudah. Sebaliknya, sekumpulan para saintis yang mahu mengkaji tentang paru-paru berair tidak akan menghadapi sebarang permasalahan mentakrifkan 'paru-paru' ataupun 'berair'.

Oleh kerana para saintis mengkaji benda fizikal yang nyata maka pengamatan seseorang ahli sains tabii dengan seseorang ahli sains tabii yang lain biasanya tidak berbeda. Darah yang

¹⁰ *Ibid.* Dan seterusnya di tempat lain beliau menulis : 'Ahli sejarah seharusnya bersikap pemilih. Kepercayaan kepada wujudnya fakta-fakta sejarah yang tepat, yang wujud secara tersendiri dan bebas daripada pentafsiran ahli sejarah, adalah karut semata-mata. Bagaimanapun, ia amat sukar untuk dihapuskan.' *Ibid.* hlm.7

dilihat oleh seorang saintis tabii akan juga dilihat sebagai darah oleh seorang saintis tabii yang lain. Sekiranya berlaku kemusykilan tentang status cecair merah yang dilihat itu, maka ujikaji boleh sahaja dikendalikan demi menentukan sama ada cecair tersebut mengandungi sifat-sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada darah atau tidak. Hal yang sebegitu sukar dilaksanakan dalam kajian sejarah, mahu pun sains sosial.

Sekumpulan orang yang mundar mandir di suatu tempat, misalnya, mungkin dilihat oleh seorang pemerhati sebagai sekumpulan orang yang berjalan-jalan atau bersiar-siar, oleh pemerhati lain pula sebagai para pemerotes, dan oleh yang lain lagi sebagai golongan yang tak keruan. Pendeknya persepsi seseorang itu berbeda-beda kerana pemerhatian dalam sejarah sering sarat dengan pengaruh sistem nilai, budaya, kepercayaan atau ideologi dan sebagainya. Kesukaran mencapai persetujuan tentang istilah atau perkataan yang digunakan dalam sejarah menonjolkan kewujudan unsur subjektif yang mempengaruhi ahli sejarawan. Ia juga menyukarkan usaha untuk mengendalikan kajian bandingan dalam sejarah. Hal ini amat berbeda dari apa yang terdapat dalam sains tabii. Stanford telah merumuskan isu ini sebegini:

Sejauh mana mungkin biologi dapat berkembang seadainya para saintis tidak pernah mencapai persetujuan tentang apakah yang dihadapan mata mereka itu sekuntum *dandelion* atau *buttercup*, seekor badak sumbu atau zirafah? Selagi para sejarawan belum mungkin bersetuju tentang penggunaan istilah yang neutral dan tepat, maka selagi itulah kita akan mempersoalkan kemanfaatan sebarang pembicaraan tentang unsur-unsur tetap dalam sejarah. Terdapat implikasi yang serious di sini terhadap, antara lain, tanggapan serta amalan sejarah perbandingan.¹¹

Bukti Sejarah: Sesuatu Yang Tidak Dilihat Secara Berhadapan

¹¹ Stanford, *op.cit.* hlm.242-243.

Seterusnya bagi si sejarawan, berbeda dari ahli sains tabii, bahan kajiannya, atau bukti bagi peristiwa yang dikajinya, tidak ada dihadapannya ketika dia mengendalikan kajiannya. Yang ada hanyalah serpihan atau sebahagian bukti bertulis atau apa pun sumber yang didapati dari orang lain. Seorang sejarawan Barat, Michael Oakeshott, telah mengungkapkan keadaan kajian sejarah ini dengan kata-kata berikut:

...kajian sejarah [ialah] suatu penumupuan usaha untuk memerihalkan sesuatu jawapan bagi sesuatu peristiwa sejarah dengan menderetkan suatu rentetan lampau yang terdiri daripada peristiwa yang saling berkait yang tidak lagi wujud melalui pentafsiran terhadap bahan dan pernyataan yang masih wujud.¹²

Lagi pun, si penyampai bukti itu tidak semestinya merupakan seorang profesional yang terlatih dalam bidang mengenalpasti dan melaporkan bukti. Jadi ketepatan gambaran yang diberikannya mungkin sukar untuk dijamin seratus peratus. Kalaupun si pembekal maklumat itu seorang yang terlatih, kemungkinan pernyataannya diwarnai oleh sistem nilainya sendiri juga tidak boleh ditolak sama sekali. Si sejarawan yang mengkaji itu sendiri juga tidak semestinya bebas dari sistem nilainya sendiri. Jadi liku-liku yang terpaksa dilalui oleh seseorang sejarawan untuk sampai ke suatu tahap di mana keobjektifan kajiannya dapat diperthankan adalah amat rumit sekali. Tidak dinafikan bahawa para sejarawan yang terlatih sudah mengambil kira segala permasalahan ini serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengatasinya. Namun begitu, permasalahannya tetap berat dan ia tidak muncul dalam bentuk yang sedemikian rupa dalam bidang sains tabii. Menyedari hakikat ini semualah maka Stanford merumuskan:

Permasalahan asas pegetahuan sejarah telah dirumuskan oleh sejarawan Jerman Hajo Holborn, yang menegaskan bahawa ianya `terikat kepada hakikat bahawa sesuatu

¹² Michael Oakeshott, 1985, *On History And Other Essays*, Southampton, hlm79.

pengetahuan objektif masa lampau hanya dapat diperolehi melalui pengalaman subjektif seseorang sarjana.¹³

Bukan Kaedah Eksperimental

Seterusnya, yang lebih lagi serious lagi buat sejarah ialah, apabila sesuatu perselisihan pendapat itu berlaku, ia tidak dapat diselesaikan dengan kaedah uji kaji atau eksperimen. Jadi dalam kes orang yang mundar mandir seperti yang diperkatakan di atas, tidak ada suatu eksperimen dapat dikendalikan bagi menentukan apakah golongan orang itu merupakan orang yang bersiar-siar, para pemerotes atau sekumpulan manusia yang tak keruan.

Permasalahan atau kelainan ini sedia dimaklumi dan diterima. Lama selepas zaman awal kemunculan positivisme, Patrick Gardiner dalam bukunya, *The Nature of Historical Explanation*, yang diterbitkan oleh Oxford University Press pada tahun 1961, telah mengimbau kembali isu ini. Beliau mengingatkan para pembacanya bahawa 'sesuatu hukum, yang digunakan bagi menjelaskan tindakan (perilaku) sesuatu bahan kimia dalam keadaan tertentu, boleh sahaja disahkan atau dinafikan kebenarannya melalui eksperimen.'¹⁴ Kaedah sebegini, ujar beliau, tidak mungkin dimanfaatkan bagi penjelasan sejarah. Katanya,

Seorang sejarawan tidak berupaya untuk 'menguruskan' suatu revolusi atau suatu kebangkitan agama, atau menghasilkan semula suatu krisis ekonomi di dalam satu tabung uji. Dan, sehubungan dengan ini, bersabit dengan sesuatu penegasan tentang pekaitan [faktor] sejarah, si sejarawan tidak mampu untuk berkata: ' Oleh kerana anda tidak mempercayai apa yang saya katakan, marilah kita ujinya sekali lagi: marilah kita ubah keadaan yang asal dan lihat apa yang bakal berlaku.'¹⁵

¹³ *Ibid*, hlm.122.

¹⁴ P.Gardiner, 1961, *The Nature of Historical Explanation*, Oxford: Oxford University Press, hlm.91.

¹⁵ *Ibid*.

Jadi sebenarnya unsur subjektif dalam sejarah itu sudah bermula di peringkat yang amat awal lagi. Si sejarawan mencari dan memilih fakta yang juga telah di pilih oleh orang lain yang merekodkan fakta berkenaan. Kemudian fakta itu dilihat dari sudut pandangan si sejarawan itu sendiri. Secara sedar atau tidak sedar si sejarawan mungkin mencari fakta yang akan/dianggapnya boleh membantunya memahami sesuatu peristiwa itu dari kacamata sendiri. Lebih parah lagi kesangsian yang timbul atau ditimbulkan itu tidak pula dapat diselesaikan secara muktamad sepertimana yang boleh dilakukan melalui ekeperimen dalam bidang sains tabii.

Kaedah eksperimenlah yang menjadi penghalang kepada usaha para falsafah atau ahli 'fizik sosial' angkatan Auguste Comte untuk menjadikan bidang kajian mereka sama, setaraf atau duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan disiplin sains tabii.

Tanpa kaedah eksperimen dan kesahihan pengetahuan yang boleh dihasilkan darinya maka kecacatan kajian sains masyarakat jelas terpapar sekurang-kurangnya dari sudut pandangan sains tabii. Inilah kekangan atau keterhadan yang terpaksa dihadapi oleh para sejarawan Barat yang ingin mensaintifikkan kajian mereka. Lantas dalam usaha mereka untuk megikuti inisiatif dan usaha para sainitis tabii dan mengekalkan istilah sains atau saintifik bagi menggambarkan usaha mereka, maka komponen kaedah sains yang ditekankan oleh mereka bukanlah kaedah eksperimen ini.

Sebaliknya, aspek yang ditekankan ialah kaedah pengamatan yang objektif, yang tidak dipengaruhi oleh sebarang tanggapan yang terdahulu atau tanggapan yang terkeluar dari lingkungan yang difikirkan wajar. Perkara yang juga ditekankan ialah metode yang mengutamakan pemikiran induktif serta penyelidikan yang rapi. Kaedah ini tidak akan

menghasilkan keputusan yang muktamad, tetapi itulah yang mungkin terdaya dilaksanakan oleh para pengamal sejarah dan sains sosial.

Ketiadaan Kata Putus

Jadi misalnya seseorang penyelidik mungkin telah mentafsirkan bahawa kebangkitan bersenjata Parti Komunis Malaya telah mempercepatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Tafsiran ini mungkin disangkal oleh penyelidik lain berdasarkan penganalisaannya sendiri. Pertikaian pendapat tentang ada atau tiadanya kaitan di antara kedua-dua faktor sejarah ini, kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan Parti Komunis Malaya, tidak dapat diselesaikan dengan pengembalian semula kepada tahun 1950-an, meniadakan Parti Komunis Malaya sebagai satu elemen sejarah dan menunggu keputusan baru sama ada Persekutuan Tanah Melayu akan tetap juga mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 atau tidak. Tahun 1957 telah berlalu dan tidak ada apa yang boleh dilakukan untuk mewujudkan kembali zaman itu. Sesuatu eksperimen tidak boleh dilakukan di makmal untuk menyelesaikan isu ini.

Yang jelasnya ialah eksperimen merupakan metode sains tabii dan bukan metode sains sosial atau sejarah. Untuk membuktikan kesahihan sesuatu rumusan sejarah, si sejarawan, suka tidak suka, diyakini orang atau tidak, terpaksa bergantung kepada penganalisaan, penjelasan dan pentafsiran semata-mata, bukan eksperimen.

Pentakrifan Istilah Sains

Seandainya eksperimen dan unsur kemuktamadan yang terdapat pada eksperimen itu dianggap sebagai ciri-ciri asas sains, maka istilah sains sosial mungkin tidak sewajarnya digunapakai. Sains sosial tidak sampai ke tahap yang selengkap itu. Ia tidak menepati kehendak definisi yang sedemikian rupa. Walaubagaimanapun Hunt dan Colander telah merumuskan permasalahan ini sedemikian:

Oleh kerana ia begitu sukar sekali mengendalikn eksperimen dalam sains sosial, sesetengah pihak bertegas mendakwa ia bukan sains. Selain dari prestij yang tersemat pada perkataan tersebut, sama ada kita menggelar kajian ke atas masyarakat itu sains atau tidak, bukanlah sesuatu yang penting. Ia merupakan persoalan tentang definisi sahaja. Seandainya dengan sains kita hanya memaksudkan sains tabii semata-mata, maka sains sosial bukanlah sains yang sebenar. Sekiranya dengan sains kita maksudkan apa yang digelar sains tepat semata-mata, sekali lagi sains sosial tidak dapat diambil kira. Sekiranya, walaubagaimanapun, kita menggunakan istilah *sains* secara lebih luas, meliputi semua usaha sistematik bagi memperluaskan pengetahuan dengan mengaplikasikan metode saintifik, maka sains sosial sepatutnyalah berada di dalam keluarga saintifik.¹⁶

Pandangan Carr

Sejarawan Carr jelas mahu sejarah dilihat dan dianggap sebagai sains biarpun dia bukan seorang positivis dan sedar bahawa ilmu sejarah dan ilmu fizik itu tidak serupa kedudukannya. Yang juga jelas ialah Carr mahukan sejarah itu dianggap sebagai sains demi memelihara statusnya sebagai satu bidang ilmu yang unggul. Dan Carr menyandarkan tanggapannya itu kepada kaedah penyelidikan sejarah yang dianggapnya begitu teliti dan kemas. Komponen eksperimen tidak menjadi sebahagian dari definisinya tentang sains. Kata Carr,

Biarlah saya simpulkan apa yang telah cuba saya perkatkan tentang dakwaan supaya sejarah dimasukkan ke dalam kalangan ilmu-ilmu sains. Perkataan sains sudah mencakupi sebegitu banyak cabang ilmu pengetahuan yang berlainan, menggunakan sebegitu banyak kaedah dan teknik yang berlainan...¹⁷

¹⁶ Elgin F.Hunt & David C. Colander,1993, *Social Science: An Introduction to the Study of Society*, New York: Macmillan, hlm.14.

¹⁷ Carr,*op.cit.* hlm. 90.

Golongan Relativis

Hakikat bahawa kajian sejarah tidak dapat menghasilkan sesuatu yang muktamad, telah memberi laluan kepada kemunculan aliran atau golongan relativis. Dari kaca mata zaman kini, mungkin kita boleh mengatakan bahawa kemunculan aliran ini sudah dapat diduga. Ia mudah untuk diduga kerana ia merupakan sesuatu yang bertentangan dengan aliran positivis. Maksudnya, sekiranya aliran positivis tidak dapat memenuhi hasrat untuk mencungkil kebenaran sejarah secara muktamad, maka dakwaan bahawa ia bersifat saintifik, objektif, tidak lagi dapat dipertahankan. Seterusnya, sekiranya kejadian sejarah itu tidak objektif, yakni hasilnya tidak ditentukan oleh objek yang dikaji, maka tentulah ia berunsur subjektif, yakni hasilnya bergantung kepada subjek (sejarawan) yang mengkaji. Inilah pendirian golongan relativis: hasil kajian sejarah itu bergantung, relatif, kepada siapa yang mengkaji.

Nama seperti Carl Becker (1873-1945) dan Charles A. Beard (1874-1948) muncul sebagai pendalang utama dan awal golongan relativis. Para relativis lain termasuklah Benedetto Croce (1866-1952), R.G. Collingwood (1889-1943) dan juga E.H. Carr (1892-1982). Bagi relativis adalah amat sukar walaupun tidak mustahil untuk sejarawan melihat, mengkaji dan menghasilkan penulisan sejarah yang terpisah dari unsur subjektif si pengkaji. Pendeknya, dua orang saintis yang mengendalikan eksperimen yang sama akan memperolehi keputusan yang sama (keputusannya ditentukan oleh objek yang dikaji) tetapi dua sejarawan yang mentelaah satu koleksi dokumen atau sumber sejarah yang sama tidak dijamin akan menghasilkan karya sejarah yang saling tak tumpah di antara satu sama lain (hasil kajian dan penulisannya ditentukan oleh subjek/sejarawan yang mengkaji).

Beard menganggap pengaruh sistem nilai telah bermula sejak dari tahap awal penyelidikan sejarah itu sendiri, Katanya

Kita tidak memperoleh minda yang tak tercemar dan neutral dengan mengisytiharkan hasrat kita untuk melakukan sedemikian itu. Sebaliknya kita memperjelaskan apa yang terdapat dalam minda dengan mengakui bahawa ia mempunyai atau mempengaruhi pemilihan dan penyusunan bahan-bahan sejarah...¹⁸

Hal yang sebegini telah juga dinyatakan oleh Carr. Carr percaya adalah lebih bijak bagi seseorang itu mengakui akan sistem nilainya sendiri dari cuba untuk mengaggap bahawa dirinya bebas sama sekali dari apa jua pengaruh dari masyarakatnya. Kata Carr:

...saya percaya bahawa ahli sejarah yang paling menyedari keadaannya sendiri adalah lebih berkeupayaan untuk mengatasinya, dan lebih berkeupayaan untuk memahami kelainan-kelainan di antara masyarakatnya sendiri dengan tanggapannya, dan di antara masyarakat zaman lain dengan negeri-negeri lain, berbanding dengan ahli sejarah yang dengan kerasnya bertegang bahawa dia adalah seorang individu dan bukan satu gejala sosial.¹⁹

Pandangan Carr bahawa ahli sejarawan itu dipengaruhi oleh masyarakat sekelilingnya adalah jelas sekali:

Ahli sejarah, dengan demikian, adalah seorang manusia individu. Seperti individu lain, dia juga adalah gejala sosial, hasil dan jurucakap secara sedar dan tak sedar masyarakat; dalam kedudukan inilah dia mendekati fakta-fakta masa lampau sejarah.²⁰

Namun begitu, Carr tentunya juga meyedari bahawa pendiriannya yang mengiktiraf unsur subjektif itu boleh membuka seluas-luasnya pintu pendekatan individualistik dalam pentafsiran la tentunya pula boleh mengakibatkan penulisan dan pentafsiran yang langsung tidak

¹⁸ Charles A. Beard, 1935, 'That Noble Dream' dlm. Fritz Stern ed. 1970, *The Varieties Of History*, London, hlm.328, seperti yang dipetik dlm. Green and Troup (intro.), *op.cit.* hlm.7.

¹⁹ Carr, *op.cit.* hlm.44.

²⁰ *Ibid.* hlm. 34.

mempunyai sempadan kemunsabahannya. Mungkin kerana itulah beliau telahpun sebelum itu memberikan lapikannya tentang hal ini. Katanya:

Adalah tidak tepat [untuk dikatakan] bahawa oleh kerana pentafsiran memainkan suatu peranan yang perlu dalam melandaskan faktor-faktor sejarah, dan oleh kerana tiada pentafsiran yang wujud kini yang sepenuhnya objektif, maka setiap pentafsiran adalah sama baik dengan yang lain, dan bahawa fakta-fakta sejarah adalah pada prinsipnya tidak tetakluk kepada pentafsiran yang objektif.²¹

Dari satu sudut pandangan, lapikan yang diketengahkan oleh Carr ini boleh dilihat sebagai percubaan untuk meraih faedah dari kedua-dua belah pihak. Ia tidak menafikan pentafasiran sejarah diwarnai unsur subjektif tetapi pada masa yang sama mahu juga mendakwa bahawa pentafsiran boleh dan harus juga bersikap objektif. Pendirian dualistik mungkin sukar dilakukan kerana sebagaimana dikatakan oleh pepatah Inggeris *you cannot eat your cake and have it too*. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, dalam sains tabii sesuatu eksperimen yang sama (objek) yang dikendalikan oleh para saintis yang berbeza (subjek) akan tetap menghasilkan dapatan atau natijah yang sama. Sebaliknya, dua sejarawan yang meneliti satu set dokumen yang sama tidak semestinya akan tampil dengan satu pentafsiran atau rumusan yang sama. Pendeknya, dalam sains tabii objek yang menentu keputusan akhir dan bukannya subjek seperti kesnya dalam kajian sejarah. Maka wajarlah sains tabii dikatakan sebagai sesuatu yang objektif sementara sejarah dianggap subjektif.

Seperti yang juga telah diperkatakan sebelum ini memang para sejarawan positivis awalan amat ghairah untuk menuruti kaedah sains tulen atau tabii. Namun nyata percubaan mereka itu tidak kesampaian.²² Ini merupakan sesuatu impian yang terlalu menggunung tinggi. Memang terdapat

²¹ *Ibid.* hlm.24.

²² Lih . di atas.

hasrat, seperti yang pernah diluahkan oleh Lord Acton untuk menghasilkan suatu sejarah yang definitif atau muktamad. Hasrat itu hanya tinggal hasrat dan seperti yang dibidas oleh Stanford, 'Tidak terdapat seorang sejarawan yang bereputasi yakin dengan kemungkinan sebegitu pada hari ini.'²³

Jadi perkiraan apakah yang mungkin mendorong Carr mengambil pendirian yang saling bercanggah ini? Terdapat beberapa kemungkinan yang boleh diutarakan di sini. Kemungkinan pertama ialah untuk menjaga agar kegiatan pentafsiran itu tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Pentafsiran itu haruslah bertolak dari landasan bukti yang kukuh, mengambil kira pelbagai keadaan tempat di mana peristiwa itu berlaku, era bilamana ia berlaku, berpandukan pemikiran yang rasional dan sebagainya. Namun begitu prasyarat sebegini bukan sahaja seharusnya dipatuhi dalam kegiatan pentafsiran itui sahaja, malah memang menjadi asas kepada keseluruhan kegiatan penulisan sejarah itui sendiri. Dalam pada itu pun tidaklah menjadi kesalahan untuk mempertegaskan lagi prasyarat yang sedemikian itu.

Kemungkinan yang kedua ialah untuk mengekalkan prestij atau aura yang ada pada perkataan objektif itu sendiri. Hal ini sepertilah juga kesnya dengan sebab kenapa sesetengah pihak ingin mengekalkan istilah sains pada bidang ilmu yang mengkaji manusia dan masyarakat sehingga ia kekal menjadi sains sosial. Terikat pada perkataan subjektif itu ialah unsur tidak saksama, bias, berat sebelah dan sebagainya. Ini sudah pasti bukanlah satu persepsi yang baik. Sebaliknya, istilah objektif itu pula dianggap sebagai menggambarkan sesuatu yang profesional, teliti, tidak meyebelahi diri sendiri dan sebagainya, yakni sesuatu yang bertentangan dengan keadaan yang subjektif. Lantas sekiranya didapati bagus istilah sains itu dikekalkan bagi memerihalkan kajian kemasyarakatan dan sejarah maka bagus jugalah istilah objektif dikekalkan bagi kajian yang sama. Cuma sekiranya istilah sains itu sudah dimengertikan

²³ Stanford, *op.cit.* hlm.128.

berbeda dengan pengertian yang difahami oleh para saintis tabii ,maka begitu jugalah yang harus dilakukan kepada istilah objektif: pengertian asalnya harus diubah. Dan itulah yang telah berlaku. Dan itulah sebabnya kenapa Carr, kita boleh rumuskan, setelah secara terperinci memaparkan bagaimana subjektifnya kedudukan penulisan sejarah, masih boleh membuat kenyataan bahawa adalah `tidak tepat' untuk mengatakan 'fakta-fakta sejarah adalah pada prinsipnya tidak tetakluk kepada pentafsiran yang objektif.'²⁴

Seorang sejarawan Malaysia, K. Anbalakan, yang membicarakan isu ini telah secara terang – terangan menolak takrifan objektiviti yang digunapakai dalam sains tabii. Beliau tidak bersetuju dengan pendirian relativis yang megkritik golongan positivis atas kegagalan para positivis menghasilkan kajian yang muktamad. Kata Anbalakan,

Nampaknya golongan Relativis mentakrifkan objektiviti sejarah sebagai [keupayaan] menghasilkan penjelasan yang muktamad. Jelas bahawa kekeliruan seperti ini timbul kerana pengaruh sains semula jadi. Tidak perlu diulangi bahawa adalah tidak wajar menggunakan ciri-ciri yang terdapat dalam sains semula jadi untuk menentukan objektiviti dalam bidang sejarah.²⁵

Isunya di sini bukanlah isu kekeliruan kerana memang golongan positivis itu bermula dengan harapan unuk mengikuti jejak langkah para saintis semula jadi atau tabii. Namun bilamana usaha mereka menemui halangan mereka telah mengubahsuai pentakrifan sains sehingga menjadikannya bebeza dengan takrifan sains seperti yang difahami oleh para saintis tabii. Hasratnya ialah untuk membolehkan bidang yang sepatutnya tidak diiktiraf sebagai bidang sains diiktiraf sebagai sains.

²⁴ Lih. di atas.

²⁵ K. Anbalakan, 1995, 'Objektiviti Dalam Sejarah: Bukan Satu Impian' dlm.Abu Talib Ahmad & Cheah Boon Kheng (ed), *Isu-Isu Pensejarahan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm.51.

Seterusnya, seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, hanya kajian sains sahaja yang mampu untuk memperlihatkan unsur-unsur objektif dalam kajiannya. Diingatkan lagi di sini objektif bermaksud hasil kajian ditentukan oleh objek yang dikaji dan bukan oleh subjek yang mengkaji. Oleh itu biarpun ramai subjek yang mengkaji sesuatu objek, hasilnya adalah satu dan serupa dan bukan dua atau tiga dan berbeza-beda. Ini tidak mungkin berlaku dalam kajian sejarah kerana hasil kajiannya sering ditentukan oleh subjek yang mengkaji kerana dia atau mereka membawa bersama dia/mereka sistem nilai, pendirian dan unsur peribadi yang lain sehingga semua itu boleh mempengaruhi tindakan kognitif dan proses pentafsiran yang dilaksanakan di sepanjang kajian. Namun begitu nampaknya para sejarawan dan saintis sosial cenderung juga untuk mengkategorikan kajian mereka sebagai kajian yang objektif. Berdasarkan takrifan asal objektiviti, hal ini sepatutnya merupakan sesuatu yang tidak mungkin dilakukan. Jadi jalan keluarnya untuk membolehkan ini berlaku ialah dengan mengubahsui takrifan objektif dan objektiviti sepertimana takrifan sains itu telah diubahsui sebelumnya. Lantas tersualah kita dengan takrifan objektif seperti yang dimajukan oleh K. Anbalakan:

Sesuatu interpretasi yang diberikan oleh seseorang ahli sejarah perlu dibuat berdasarkan bukti yang ada. Sekiranya timbul persoalan, ahli sejarah yang berkenaan haruslah berkeupayaan mempertahankan interpretasinya dengan bukti yang kukuh. Karya sejarah yang bercorak interpretasi seperti ini harus diterima sebagai objektif.²⁶

Seorang lagi sejarawan Malaysia, Muhd.Yusof Ibrahim, memperihal dan merumuskan tindakan pentafsiran ini seperti berikut:

...tidak hairnlah jika sesuatu peristiwa itu ditafsirkan dengan cara yang berbagai-bagai, serta dari pelbagai sudut oleh berbagai-bagai sejarawan. Tetapi ini juga bukanlah bererti dengan sesuka hati sahaja. Ia tetap terikat dengan sumber-sumber yang berkaitan

²⁶ *Ibid.* hlm.47.

dengan peristiwa yang akan ditafsirkannya itu; dan sumber-sumber itulah landasan pentafsirannya.²⁷

Biarpun sumber itu menjadi landasannya, namun *input* dari pentafsir sukar diasingkan dan ini dijelaskan oleh Carr sedemikian ini:

Ahli sejarah bukanlah abdi yang lemah dan bukan pula tuan yang zalim kepada fakta-faktanya. Pertalian di antara ahli sejarah dengan fakta-fakta adalah pada taraf persamaan, memberi dan menerima.²⁸

Seandainya kita kembali kepada takrifan objektif yang bermaksud penghasilan sesuatu kajian itu, atau corak sesuatu penulisan itu, tidak terikat dengan, atau tidak ditentukan oleh, si pengkaji (subjek) maka jelaslah pernyataan Anbalakan, Muhd.Yusof Ibrahim dan Carr di atas tidak menepati kriteria objektif yang digunapakai. Ketiga-tiga pernyataan itu menunjukkan terdapatnya unsur subjektif dalam kajian dan penulisan sejarah. Maka tidak hairanlah kenapa mereka mahu melihat istilah atau maksud objektif itu dalam konteks yang berlainan, mengubah pentakrifannya.

Pasca Modenisme

Walaubagaimanapun, unsur subjektif dalam penulisan sejarah ini, tidak kiralah sama ada seseorang itu mentakrifkannya sebagai objektif atau 'objektif ala sejarah', telah membuka ruang bagi kemunculan kritikan lain terhadap kedudukan penulisan sejarah itu sendiri. Kritikan tersebut, kebelakangan ini, telah dilahirkan oleh golongan pasca modenisme. Para pendokong aliran ini secara terbuka telah mempersoalkan bukan hanya keobjektifan penulisan sejarah itu sahaja, malah juga kredibilitinya sebagai satu bidang ilmu pengetahuan. Dari satu segi kritikan

²⁷ Muhd. Yusof Ibrahim, *op.cit.* hlm.191.

²⁸ Carr, *op.cit.* hlm.27. Di halaman yang sama Carr juga menulis: 'Ahli sejarah dan fakta-fakta sejarah adalah mustahak kepada satu sama lain. Ahli sejarah tanpa fakta-faktanya tidak berpondasi dan tidak berguna; fakta-fakta tanpa ahli sejarahnya adalah fakta-faktayang mati dan tidak bermakna.'

pasca modenis ini adalah lanjutan dari pandangan para relativis, sementara dari segi yang lain pula ia sebenarnya sudah jauh melewati lingkungan pemikiran golongan relativis itu sendiri.

Pasca modenisme boleh dikatakan sebagai lanjutan kepada relativisme kerana kedua-dua aliran ini mendakwa penulisan dan kajian sejarah itu tidak dapat dipisahkan dari pengaruh si penulis atau pengkajinya. Sebaliknya, pasca modenisme boleh pula dikatakan terpisah dari relativisme kerana ia, sekurang-kurang versi yang ekstremnya, menafikan kemungkinan masa lampau itu dipaparkan kembali secara jujur oleh para sejarawan. Para sejarawan, hujah mereka, tidak pernah melihat sendiri masa lampau yang mahu digambarkan itu. Mereka hanya mendapat tahu mengenainya menerusi teks dan bahasa yang digunakan dalam teks tersebut. Bagi para pasca modenis bahasa itu mempunyai keterhadannya yang tersendiri untuk mewakili alam nyata masa lalu. Seterusnya bahasa yang digunakan oleh si sejarawan itu sendiri boleh dipersoalkan juga dari segi keupayaannya untuk memberikan gambaran jujur bersabit sesuatu realiti. Ia hanya merupakan konstruksi si sejarawan sahaja dan ia, kata Alun Munslow, seorang pasca modenis, tidak berbeza dari satu hasil karya kesusasteraan.²⁹ Jadi pada peringkat radikalnya para pasca modenis mendakwa bahawa 'di luar teks tidak kedapatan apa-apa'. Keith Jenkins, seorang pendokong pasca modenis masa kini, menjelaskan hal ini dengan kata-katanya:

Adalah jelas bahawa masa silam itu tidak wujud 'secara sejarahnya' di luar teks si sejarawan, lakaran konstruksinya, yang mana oleh kerana telah digubah oleh mereka [para sejarawan], tidak mempunyai keupayaan untuk menolak hasrat interpretasi mereka, lebih-lebih lagi pada peringkat makna.³⁰

²⁹ Kata Alun Munslow: 'Oleh kerana kita tidak dapat berdepan dengan masa lampau, sama ada dalam bentuk pergerakan politik, proses ekonomi atau sesuatu peristiwa, kita menggunakan naratif bagi memenuhi dua fungsi, sebagai wakil kepada masa lampau dan sekali gus sebagai prantara bagi interaksi kita dengannya. Sejarah oleh itu merupakan satu bentuk kesusasteraan.' Alun Munslow, 1997, *Deconstructing History*, London: Routledge, hlm.5.

³⁰ Keith Jenkins, 1999, *Why History: Ethics and Postmodernity*, London: Routledge, hlm.3.

Walaupun tidak diperdebatkan di sini, kritikan para pasca modenis sehingga menafikan langsung keupayaan para sejarawan untuk menggambarkan masa lampau adalah agak ekstrem.³¹ Tidak semua pelapor sejarah itu dungu dan para sejarawan juga mempunyai kaedah untuk menyaring dan memastikan kewibawaan maklumat sejarah.³² Peninggalan sejarah yang berbentuk bangunan dan artifak lain juga jelas menunjukkan bahawa diluar teks itu masih kedapatan sesuatu.

Rumusan

Setelah menggaluri serta membicarakan isu positivisme dan relativisme dalam pensejarahan Barat, dapatlah dilihat bahawa cita-cita dan optimisme golongan positivis untuk menjejak langkah para saintis tabii tidak dapat direalisasikan. Kritikan para relativis ada kerelevanannya dari segi memperjelaskan lagi kedudukan sejarah sebagai satu bidang ilmu. Mungkin terdapat golongan positivis atau pendokong mereka yang tidak senang menerima kritikan para relativis kerana khuatir kritikan itu bakal menjadi permulaan kepada kemusnahan sejarah iti sendiri. Kekhawatiran begitu sebenarnya tidak bertempat kerana seandainya kritikan itu keterlaluan ia tentu boleh ditolak sepertimana ramai sejarawan kini menolak kritikan pasca modenisme. Mungkin kontroversi pensejarahan Barat ini tidak begitu membara seandainya golongan positivis pada peringkat awalnya tidak terlalu ghairah untuk meniru jejak langkah para ahli sains tabii dan angkatan positivis yang terkemudian tidak pula begitu keberatan menerima kritikan para relativis.

³¹ Lih. Qasim Ahmad, 2004, 'Postmodernism: Its Possible Implication on Malaysian Historiography', A Paper Presented at the International Conference on Malaysian History, 23-25 August, 2004, University of Malaya, Kuala Lumpur.

³² Lih. Arthur Marwick, 1995, 'Two Approaches to Historical Study: The Metaphysical (including "Postmodernism") and the Historical' *Journal of Contemporary History*, 30, hlm. 5-35.

Qasim Ahmad ialah Profesor di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi serta juga Felo di Pusat Pengajian ASEAN di Universiti Teknologi Mara Shah Alam. Bidang pengkhususannya ialah sejarah Eropah moden tetapi beliau juga turut mengajar subjek hubungan antarabangsa. Antara hasil penulisannya termasuklah *Eropah Moden: Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan* (1985 edisi kedua 1994, Kuala Lumpur), *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan* (1991, edisi kedua 2000, Kuala Lumpur), *Britain Franco Spain and the Cold War, 1945-1950* (1995, New York, edisi kedua 1995, Kuala Lumpur) dan *Australia Y La Espana De Franco, 1945-1950* (1997, Madrid).

Sebelum bertugas di Universiti Teknologi Mara mulai lewat 2005, beliau juga pernah bertugas di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang dan Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.